
Research article

MOTIVASI DAN PENGLIBATAN WANITA SEBAGAI PENYOKONG BOLA SEPAK DI MALAYSIA

Nur Hafizah Yusoff

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia

Abstrak

Journal of Sports Science and Physical Education 6(1): 36-44, 2017 - Bola sepak mempunyai jumlah penonton dan penyokong yang banyak di serata dunia. Majoriti penyokong adalah lelaki berbanding wanita. Namun demikian, dewasa ini jumlah penyokong wanita yang menyaksikan perlawanan di stadium kian meningkat. Walaupun Malaysia tidak memiliki skuad bola sepak kebangsaan yang kuat dan tidak berada di kedudukan terbaik dunia, namun sukan bola sepak masih menjadi sukan kegemaran rakyat negara ini. Penyokong wanita turut menunjukkan minat menyaksikan perlawanan secara langsung di stadium, membeli tiket dan meluangkan masa untuk ke stadium. Pihak pengurusan bola sepak negeri turut menyedari akan peningkatan jumlah penyokong wanita dan menyediakan kaunter tiket khas untuk penyokong wanita di stadium. Objektif artikel ini adalah untuk mengenalpasti apakah motivasi yang mendorong penyokong wanita menyaksikan perlawanan secara langsung di stadium dan bagaimanakah penglibatan mereka sebagai penyokong kepada pasukan masing-masing. Seramai 112 orang penyokong wanita dipilih sebagai responden kajian dan antara hasil analisis adalah, 80.4% responden menyatakan bahawa mereka mula menyokong pasukan sejak sepuluh tahun yang lalu, 19.6% responden yang lain pula menyatakan bahawa mereka telah meminati dan menyokong pasukan lebih daripada sepuluh tahun. Motivasi utama mereka untuk ke stadium adalah menyokong pasukan (96.5%), bertemu rakan-rakan (40.2%), menghilangkan tekanan kerja (24.1%) dan melihat serta menyokong pemain kegemaran (25%). Selain itu, sebanyak 64.3% menyaksikan perlawanan di gelanggang sendiri dan 32.1% menyaksikan perlawanan bola sepak di gelanggang sendiri dan gelanggang lawan.

Kata kunci: bola sepak, penyokong bola sepak. Penyokong bola sepak wanita, motivasi, penglibatan.

MOTIVATION AND WOMEN INVOLVEMENT AS FOOTBALL SUPPORTER IN MALAYSIA

Abstract

Football has a large amount of spectators and fans around the world. The majority of the spectators and fans are male rather than female. But, nowadays e can see the increasing numbers of female fans attending to the stadium. Although Malaysia did not have a strong national football team and not in the best rank in the world, football is still Malaysian most favorite sport. Female fans also show their interested watching the game live in the stadium. They also buy tickets, spending their times to watch the team playing not only at the home but the away game. In fact, the management of the team also realizes that a female fan is increasing and the management provides special counter tickets for female fans. Objectives of this article are to know what are the female fans' motivation and how do they participate in their team. A total of 112 female football fans were chosen to be the respondents. The output from the survey showed 80.4% respondents said they started to support their team since last ten years, while 19.6% said they started to support the team over the past 10 years. The main motivation for them to go to the stadium are, to support their team (96.5%), meeting their friends (40.2%), release their stress (24.1%) and to watch and support their favourite players (25%). Numbers of 64.3% of respondents watching the game at home stadium, 32.1% watching and support their team in both home and away game.

Keywords: *football, football fans, female fans, motivation, participation*

Pengenalan

Peranan yang dimainkan oleh penyokong bola sepak terhadap pasukan yang disokong adalah sangat besar. Mereka bukan sahaja menaikkan semangat pemain untuk bermain dengan lebih baik (Coackley, 2009). Malah, para penyokong turut menjadi penyumbang kepada ekonomi pasukan kesayangan mereka (Molnar & Popovic, 2009). Pembelian tiket perlawanan, pembelian jersi serta pelbagai barangan cenderamata yang dijual oleh pengurusan pasukan menjadi antara aktiviti penjanaan kewangan yang dilakukan oleh para penyokong. Bukan itu sahaja, para penyokong turut meluangkan masa dan tenaga mereka untuk menyaksikan perlawanan secara langsung di stadium sendiri (home) dan di stadium lawan (away). Oleh yang demikian, jika pasukan atau pemain pasukan tidak memberikan mutu permainan yang baik atau mengalami kekalahan, maka para penyokong mudah menjadi marah, kecewa dan sedih sehingga menyebabkan mereka cuba memanasifasikan kekecewaan dan kemarahan mereka dengan melakukan tingkah laku negatif semasa berada di dalam stadium (Yusoff, 2016; Spaijj, 2006 & Dunning, 2000).

Lazimnya, penyokong lelaki lebih dominan kerana majoriti penyokong yang berada di dalam stadium adalah terdiri daripada golongan lelaki. Oleh yang demikian, banyak sekali kajian berkaitan dengan penyokong lelaki samada dari segi motivasi (Coackley, 2009; Marimaa, 2011 & Sugden, 2007), peranan (Robinson & Trail, 2005; Kleomanis, 2005) mahupun salah laku (Spaijj, 2006; Russel, 2004 & Redhead, 2010) telah dijalankan terutamanya di luar negara. Manakala, kajian yang memfokuskan kepada penyokong wanita terutamanya di Malaysia masih sangat kurang dilakukan. Walhal, terdapat peningkatan jumlah penyokong bola sepak yang datang menyaksikan perlawanan secara langsung di stadium. Bukan itu sahaja, pihak pengurusan bolasepak negeri turut menyedari akan hakikat tersebut dengan mewujudkan kaunter khas untuk penyokong wanita membeli tiket. Percambahan kelab-kelab penyokong bola sepak wanita samada secara *online* atau *offline* turut dicatatkan. Situasi ini menunjukkan bahawa golongan wanita mula menunjukkan minat dan tidak segan silu untuk menonjolkan diri dan menyatakan sokongan mereka kepada pasukan masing-masing.

Seiring dengan jumlah peningkatan penyokong wanita ini, tentu sekali terdapat faktor-faktor yang memotivasikan mereka untuk menjadi sebahagian daripada penyokong bola sepak dan akhirnya terlibat secara aktif dalam memberikan sokongan kepada pasukan masing-masing.

Metodologi kajian

Kaedah mendapatkan data

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif untuk mendapatkan data. Kaedah survei menggunakan instrumen borang soal selidik digunapakai dalam kajian ini. Soal selidik merangkumi soalan *open* dan *ended* bagi mendapatkan jawapan dari aspek sosiodemografi responden, motivasi yang mendorong mereka untuk menyaksikan perlawanan secara langsung distadium serta penglibatan mereka sebagai penyokong pasukan masing-masing (sudah berapa

lama menyokong pasukan, lokasi menyaksikan perlawanan).

Kaedah mendapatkan responden

Kaedah persampelan bertujuan (purposive sampling) digunakan bagi memilih responden kajian. Ini kerana tiada populasi khusus mengenai penyokong bola sepak wanita di Malaysia apatah lagi jumlah penyokong bagi setiap perlawanan adalah berbeza. Antara ciri-ciri responden yang telah ditetapkan dalam kajian ini ialah, penyokong wanita yang menyaksikan perlawanan secara langsung di stadium, berusia lingkungan 18-50 tahun. Seramai 112 orang responden wanita memberikan kerjasama untuk menjawab soal selidik dan seterusnya menjadi responden kajian.

Kaedah memproses dan menganalisis data

Data yang diperolehi, diproses dan dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package For Social Science* (SPSS). Hasil analisis dipersembahkan secara deskriptif frekuensi dan peratusan.

Analisis dan perbincangan

Motivasi

Seperti yang dinyatakan sebelum ini, setiap penyokong memiliki alasan tersendiri mengapa memilih menjadi penyokong kepada sesebuah pasukan dan mengapa mereka sanggup untuk meluangkan masa serta melaburkan wang ringgit menyaksikan pasukan mereka bermain secara langsung di stadium.

Jadual 1. Motivasi ke stadium

Motivasi	Bilangan	Peratus (%)
Memberi sokongan kepada pasukan	110	96.5
Melihat dan menyokong pemain kegemaran	28	25.0
Berjumpa rakan-rakan	45	40.2
Menghilangkan tekanan di tempat kerja	27	24.1
Berseronok	6	5.4
Jumlah	112	100

Sebanyak 96.5 peratus responden menyatakan bahawa mereka menyaksikan perlawanan secara langsung di stadium kerana ingin memberikan sokongan kepada pasukan mereka. Walaupun kebanyakan daripada responden bekerja, namun itu bukan menjadi alasan kepada mereka untuk tidak hadir ke stadium menyaksikan perlawanan membabitkan pasukan mereka. Ini kerana, sebagai seorang penyokong, menyokong pasukan adalah tanggungjawab yang dipikul oleh para penyokong bola sepak ini (Houlihan, 2008). Salah satu cara sokongan yang boleh dipamerkan oleh penyokong adalah dengan membeli tiket perlawanan dan hadir ke stadium menyokong pasukan masing-masing. Huang (2011) menegaskan bahawa pemain akan lebih bersemangat jika mereka melihat stadium dipenuhi dengan penyokong yang ramai dan secara tidak langsung mereka akan bermain dengan bersungguh-sungguh demi membalas sokongan yang diberikan oleh penyokong.

Selain itu, sebanyak 40.2 peratus responden turut menyatakan selain ingin menyokong pasukan mereka, tujuan mereka datang ke stadium adalah untuk berjumpa dan melepak bersama rakan-rakan. Oleh kerana majoriti responden mempunyai pekerjaan maka masa bersama rakan-rakan adalah agak terhad. Salah satu cara untuk mereka bertemu adalah dengan menyaksikan perlawanan bola sepak bersama-sama. Menurut responden, mereka mempunyai kawan-kawan yang meminati sukan bola sepak sama seperti mereka dan adakalanya rakan-rakan tersebut tinggal dan bekerja jauh yang menyukarkan untuk mereka sering berjumpa. Apabila terdapat perlawanan secara langsung di stadium terutamanya pada hujung minggu, mereka akan membuat temujanji untuk bersama-sama datang menyaksikan perlawanan bola sepak di stadium. Malah, ada responden yang menyatakan bahawa aktiviti ini menjadi rutin bagi mereka.

Selain menyokong pasukan, ada segelintir penyokong bola sepak yang lebih gemar menyokong pemain yang mereka minati lebih daripada pasukan itu sendiri. Penyokong jenis ini dikategorikan oleh Guilanotti (1999) sebagai *followers*. Mereka ini akan mengikuti perkembangan pemain yang diminati dan ada yang datang ke stadium semata-mata untuk melihat secara *live* pemain itu. Sebanyak 25 peratus responden kajian mengakui bahawa antara salah satu motivasi yang menyebabkan mereka datang ke stadium adalah keinginan melihat dan menyokong pemain yang diminati. Tambahan mereka lagi, bukan mudah untuk berdepan dengan pemain kesayangan mereka, apabila mereka datang ke stadium mereka boleh melihat pemain tersebut secara langsung dan jika bernasib baik mereka boleh bergambar dan mendapatkan tandatangan pemain tersebut selepas perlawanan berlangsung.

Oleh kerana majoriti responden wanita ini terdiri daripada wanita bekerjaya, maka ada yang menyatakan bahawa dengan hadir ke stadium dan menyaksikan perlawanan bola sepak membabitkan pasukan mereka, ianya dapat menghilangkan tekanan di tempat kerja mereka (24.1%). Bola sepak mempunyai nilai hiburan yang tersendiri (Frosdick, 2005), maka tidak hairanlah jika terdapat penyokong yang menggunakan alasan ingin menghilangkan tekanan kerja sebagai penyebab untuk mereka menyaksikan perlawanan secara langsung di stadium.

Penglibatan sebagai penyokong pasukan bola sepak

Menjadi seorang penyokong kepada sesebuah pasukan adalah satu pilihan yang dibuat oleh seseorang individu. Keputusan untuk menyokong dan menjadi penyokong tidak dibuat dalam sehari dua. Tetapi, ianya mengambil masa untuk membina *trust* atau kepercayaan terhadap pasukan yang ingin disokong (Wann, Melnick, Russel & Page, 2001). Aspek kepercayaan ini termasuklah percaya bahawa pasukan yang disokong memiliki aura dan kredibiliti untuk memberikan saingan terhadap pasukan-pasukan lawan yang lain, pengurusan pasukan dapat menguruskan pasukan dengan baik, khidmat jurulatih yang terbaik dan menjalinkan hubungan yang rapat dengan penyokong. Jika elemen-elemen ini ada dalam sesebuah pasukan, maka kecenderungan untuk mereka memiliki penyokong yang ramai tidak kira lelaki mahupun wanita adalah tinggi. Namun demikian, dalam konteks Malaysia kebanyakan pasukan terdiri daripada pasukan negeri masing-masing yang menyebabkan para penyokong ini secara automatik memilih menyokong pasukan kelahiran masing-masing.

Jadual 2. Kepentingan bola sepak kepada responden

Kepentingan	Bilangan	Peratus (%)
Sangat tidak penting	-	
Tidak penting	-	
Penting	67	59.8
Sangat penting	45	40.2
Jumlah	112	100

Bagi responden kajian ini, bola sepak sememangnya penting kepada kehidupan mereka dan ini disokong oleh nilai peratusan yang diperolehi. Sebanyak 59.8 peratus responden memberikan jawapan bola sepak penting kepada mereka dan 40.2 peratus yang lain pula memberikan jawapan bahawa bola sepak sangat penting buat mereka. Situasi ini juga disebabkan oleh rata-rata responden bukan baharu meminati sukan bola sepak dan menyokong pasukan mereka. Ini kerana majoriti (80.4%) responden telah mengikuti perkembangan dan menyokong pasukan mereka sejak lima hinggasepuluh tahun kebelakangan ini. Manakala selebihnya pula telah menyokong pasukan mereka lebih daripada sepuluh tahun yang lalu.

Oleh kerana bola sepak nyata penting buat responden, maka sebanyak 98.2 peratus responden menyatakan bahawa mereka sangat kerap menyaksikan perlawanan secara langsung di stadium. Lazimnya, mereka pergi menyaksikan perlawanan bersama rakan-rakan atau ada yang pergi bersama pasangan dan keluarga. Bagi yang datang bersama keluarga dan pasangan, mereka menegaskan bahawa ianya adalah salah satu cara untuk merapatkan dan meluangkan masa bersama dengan pasangan dan keluarga masing-masing.

Jadual 3. Lokasi menyaksikan perlawanan

Lokasi	Bilangan	Peratus (%)
<i>Home</i>	72	64.3
<i>Away</i>	4	1.2
<i>Home dan away</i>	36	32.1
Jumlah	112	100

Bola sepak dimainkan secara timbal balik iaitu pasukan perlu bermain di gelanggang sendiri (home) dan juga gelanggang lawan (away). sebanyak 64.3 peratus responden menyatakan bahawa mereka seringkali menonton perlawanan secara langsung di gelanggang atau di stadium sendiri berbanding hanya 1.2 peratus responden yang menonton di gelanggang lawan. Menurut responden yang menonton di gelanggang lawan ini kerana mereka tidak menetap di negeri mereka. Oleh yang demikian sukar untuk mereka menonton di gelanggang sendiri. Menurut responden lagi, jika pasukan beliau bermain di gelanggang lawan misalnya di stadium stadium sekitar Lembah Klang, maka beliau akan turun menyaksikan perlawanan tersebut dan menyokong pasukannya.

Terdapat responden yang sanggup menyaksikan perlawanan membabitkan pasukan mereka bukan sahaja di gelanggang sendiri tetapi juga di tempat lawan. Sebanyak 32.1 peratus responden mengakui mereka memberikan sokongan kepada pasukan mereka di tempat sendiri dan juga di stadium lawan. Mereka ini adalah penyokong yang sentiasa mengikuti perkembangan pasukan dan melihat bola sepak dan pasukan itu sebagai sebahagian daripada kehidupan mereka. Soal wang, masa dan tenaga bukan merupakan isu besar buat golongan ini. Jika bermain di tempat lawan, kos untuk ke stadium lawan (minyak kereta, tiket bas, tol) dan sebagainya merupakan kos tambahan yang perlu ditanggung oleh mereka. Namun demikian, itu semua tidak menjadi alasan kepada responden kerana mereka merasakan bahawa pemain pastinya mengharapkan sokongan daripada para penyokong lebih-lebih lagi jika bermain di tempat lawan yang mana jumlah penyokong pasukan lawan melebihi penyokong sendiri. Dengan kehadiran penyokong sendiri di tempat lawan, secara tidak langsung ianya dapat menaikkan semangat pemain untuk bermain dengan baik dan akhirnya mencapai kemenangan (Huang, 2011).

Kesimpulan

Penyokong bola sepak wanita turut memainkan peranan dalam pembangunan dan ekonomi pasukan. Dapatan kajian ini menolak andaian yang menyatakan bahawa golongan wanita yang hadir ke stadium hanya untuk menarik perhatian kaum lelaki dan bukannya untuk menonton apatah lagi menyokong pasukan yang bertanding. Penyokong wanita juga benar-benar meminati sukan bola sepak dan oleh kerana minat itu, maka mereka bersama-sama dengan penyokong

lelaki datang ke stadium untuk memberikan sokongan kepada pasukan mereka malah kepada pemain. Kesanggupan mengeluarkan wang dan meluangkan masa untuk menyaksikan perlawanan di tempat sendiri dan juga di tempat lawan menjadikan penyokong wanita kini juga semakin fanatik terhadap sukan bola sepak. Situasi ini sebenarnya amat bagus untuk perkembangan sukan bola sepak di negara ini dan bertepatan dengan motto sukan bola sepak yang sering dicanang-canangkan iaitu 'bola sepak milik rakyat'. Oleh yang demikian, tiada istilah atau andaian bahawa bola sepak adalah sukan untuk golongan lelaki sahaja, sedangkan bola sepak adalah sukan untuk semua golongan rakyat tidak kira jantina, bangsa mahupun umur.

Rujukan

- Coakley, J. (2009). *Sports in society: issues and controversies*. New York: McGraw-Hill.
- Dunning, E. (2000). Towards a Sociological Understanding of Football Hooliganism as a World Phenomenon. *European Journal on Criminal Policy and Research*, (2), 141–62.
- Frosdick, S., & Marsh, P. (2005). *Football hooliganism*. London: Willan Publishing.
- Guilanotti, R. (1999). *Football: A Sociology of the Global Game*. Cambridge: Polity Press.
- Houlihan, B. (2008). *Sport and society: a student introduction*. London: SAGE Publications Ltd.
- Huang, M. J. (2011). Determinant factors and satisfaction of spectators at the selecting national table tennis team competition in Taiwan. *The 12th ITTF Sports Science Congress May 5-7, 2011*. Rotterdam: The Netherlands.
- Kleomanis, L. (2005). Changes in socio-economic and demographic composition of Greek football spectators. *European Journal for Sport and Society*, Vol 2 (2), 109-120.
- Marimaa, K. (2011). *The many faces of fanaticism*. ENDC Proceedings, Volume 14. 29-55.
- Molnar, S., & Popovic, S. (2009). Attitudes of football fans toward some of the more controversial issue surroundings the games nowadays. *Sports SPA*, Vol 6 (2), 25-32.
- Redhead, S. (2010). Lock, stock and two smoking hooligan: low sport journalism and hooligan gang memoirs. *Soccer and Society*, 11, 2.
- Robinson, M. J., & Trail, G. T. (2005). Relationship among spectator gender, motives, points of attachment and sport preference. *Journal of Sport Management*, 19, 58-80.
- Russell, G. (2004). "Sport Riots: A Social-Psychological Review." *Aggression and Violent Behavior*, 9, 353–378.
- Spaaij, R. (2006). Aspects of Hooligan Violence: A Reappraisal of Sociological Research into Football Hooliganism, *ASSR Working Paper Series*, No. 06/02.
- Sugden, J. (2007). Inside The Grafters' Game: An Ethnographic Examination of Football's Underground Economy. *Journal of Sport and Social Issues*, 31 (3).
- Wann, D., Melnick, M., Russel, G., & Page, D. (2001). *Sports Fans: The Psychology and Social Impact of Spectators*. New York: Routedledge.
- Yusoff, N. H. (2016). Type of deviant behavior among football fans in Malaysia. *Meditereanean Journal of Social Science*. Vol 7 (1). 59-62.

☐ Nur Hafizah Yusoff

Pusat Penyelidikan Kelestarian Sosial, Persekitaran dan Pembangunan (SEEDS)

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan

Universiti Kebangsaan MalaysiaUniversiti Kebangsaan

Malaysia

E-mail: nur_hafizah@ukm.edu.my